

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 05 Jun 2016 15:13
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: "CEMERLANG, MESRA, MENDAMAIKAN" - AHMAD FEDTRI YAHYA



05 JUN 2016 / 29 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

"CEMERLANG, MESRA, MENDAMAIKAN" - AHMAD FEDTRI YAHYA



ANJUNG TAMU ONLINE: Beliau merupakan personaliti TV3 dan juga produser yang tidak asing lagi di tanah air, Ahmad Fedtri Yahya telah mencipta nama sebagai pengacara Malaysia Hari Ini, malah antara program lain yang pernah dihoskan beliau ialah Khurafat, Dari Masjid Ke Masjid, Madrasah, *Scoreboard*, Kafe Aktif, Keluarga Bijak Everyday, Sebalik Malam dan pelbagai lagi.

Discover UUM 2016 menyaksikan kehadiran beliau membawa pengalaman yang tinggi nilainya kepada UUM Welcome Centre dengan melihat cara beliau berkomunikasi dan betapa pentingnya perhubungan awam masa kini.

Selain bakat berkomunikasi secara profesional beliau pernah berlakon filem serta aktif sebagai penulis lirik bahkan memenangi pelbagai pencapaian seperti Juara Kategori Etnik Kreatif - Anugerah Juara Lagu 22- Samudera (Nora), Lagu Pop Etnik Terbaik - AIM 17 - Enjut (Noraniza Idris), Lagu Pop Etnik Terbaik - AIM 18 - Kuasa Cinta (Noraniza Idris/Black), Juara Cipta Lagu Patriotik 2010, Pertandingan Cipta Lagu Irama Malaysia 2010 serta Lirik Terbaik - Anugerah Erti Merdeka.

Sementara itu, rumah tengah atau Galeri Welcome Centre yang memperkenalkan sejarah penubuhan, keluasan kampus, pokok sintok, pokok tiga beradik serta lokasi lawatan menarik yang terdapat di UUM ternyata menawan hati beliau.

Seterusnya beliau memberi maklumbalas berikut,

“Cemerlang, mesra dan mendamaikan”,

“UUM Impressive”.

Mengakhiri lawatan, beliau menyifatkan Discover UUM amat bermakna sekali dan mengucapkan terima kasih kepada UUM, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) serta Persatuan Komunikasi UUM (PerKom) yang merealisasikan kehadiran beliau ke universiti di rimba hijau.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

